

22 JAN 2003

Adnan-Pilihan Raya

MUKA BARU BAKAL WAKILI BN PAHANG PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG?

KUANTAN, 22 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini membayangkan muka-muka baru bakal dicalonkan untuk mewakili Barisan Nasional (BN) Pahang pada pilihan raya umum akan datang.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan BN Pahang berkata sebarang keputusan berhubung perkara itu, bagaimanapun hanya akan diputuskan oleh pucuk pimpinan tertinggi.

"Kita dah berbincang dalam mesyuarat tadi (mesyuarat exco), kita menerima apa sahaja keputusan Presiden (Presiden BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk memilih calon, untuk menentukan wakil rakyat.

"Tapi di Pahang setiap kali pilihan raya, 14 hingga 15 adalah muka baru daripada jumlah ahli dewan, ini adalah perkara biasa," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Majlis Bekas-bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) Cawangan Pahang di sini.

Adnan berkata anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (exco) juga telah menyatakan kesediaan untuk memberi peluang kepada muka baru bertanding pada pilihan raya akan datang.

"Saya merasa gembira kerana ada rakan, termasuk saya sendiri, mempunyai jiwa yang terbuka dan bersedia untuk memberi peluang kepada calon baru yang mungkin terdiri daripada Puteri Umno, Pemuda dan Wanita kerana mereka juga berminat.

"Pokoknya terpulang kepada penerimaan pucuk pimpinan dan penerimaan rakyat," kata Adnan.

Ketika diminta mengumumkan nama wakil rakyat yang telah menawarkan diri untuk berundur, Adnan berkata: "Pada mesyuarat exco itu kami bincang sikit, tentang soal wakil rakyat dan rakan-rakan (anggota majlis mesyuarat kerajaan) bersama-sama saya, kita bersiap sedia berundur diri jika terasa kita telah tak sesuai lagi atau rasa ada orang lain yang lebih sesuai..," kata Adnan.

"Semua exco menyatakan kesediaan (untuk berundur jika diminta berbuat demikian), daripada Timbalan Menteri Besar, anggota exco dan kita serahkan kepada pucuk pimpinan parti.., wakil rakyat (BN Pahang) belum lagi (menyatakan kesediaan undur diri), saya boleh bercakap mengenai anggota mesyuarat negeri sahaja.

"Tidak mudah untuk melepaskan jawatan, walaupun jawatan ketua kampung, tapi cantiknya anggota mesyuarat kerajaan saya, semua menyatakan untuk menerima keputusan pucuk pimpinan, mereka berjanji untuk menerima keputusan dengan hati yang terbuka," katanya.

Adnan berkata beliau sendiri akan berundur jika diminta berbuat demikian, bagaimanapun beliau menambah; "Misalnya kalau saya nak tarik diri, kalau PM (Perdana Menteri), TPM (Timbalan Perdana Menteri) dan Sultan (Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah) tak terima, tak kan saya nak berhenti pula..." katanya.

Sementara itu, Presiden Mubarak Malaysia Datuk Abdul Razak Alias berkata majlis berkenaan ditubuhkan bertujuan menjaga kebajikan bekas-bekas wakil rakyat selain membantu melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

-- BERNAMA

MS LAT